

23 NOV 1999

Kelantan-BN (Fokus berita)

BN YAKIN TAPI TIDAK MUDAH TAWAN KELANTAN

KOTA BAHARU, 23 Nov (Bernama) -- Kelantan dijangka menjadi perhatian umum dalam pilihan raya ke-10 ini kerana rakyat ingin melihat sama ada Barisan Nasional (BN) dapat merebut semula negeri itu yang terlepas ke tangan PAS 10 tahun lepas.

Beberapa pemimpin Umno termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan di peringkat negeri seperti Tengku Razaleigh Hamzah pernah menyatakan keyakinan bahawa BN mampu merebut semula Kelantan kali ini.

Ini berasaskan kepada perubahan sambutan rakyat terhadap BN yang semakin hangat sejak Dr Mahathir, yang juga presiden parti, menyerahkan tongkat kepimpinan Umno Kelantan kepada Tengku Razaleigh, anak raja yang berpengaruh di kalangan istana dan rakyat negeri ini, pada 20 Jun lepas.

Sejak memegang semula jawatan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri Tengku Razaleigh berjaya merapatkan semula barisan dalam Umno dan orang Melayu di Kelantan yang berpecah akibat krisis dalaman parti pada 1987 sehingga membawa kepada penubuhan Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang dipimpin Tengku Razaleigh.

Kini S46 telah dibubar dan anggotanya balik ke pangkuan Umno yang menyaksikan perpaduan di dalam Umno Kelantan di tahap paling mantap sejak PAS "menyingkirkan" kerajaan BN dalam pilihan raya umum 1990 sebagai kemuncak kepada perpecahan di dalam Umno pada waktu itu.

Selepas 10 tahun, BN yang berazam merebut semula Kelantan akan menggempur habis-habisan PAS Kelantan yang dipimpin Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Pengerusi BN Kelantan, Datuk Annuar Musa sendiri mengakui bahawa usaha untuk merebut semula Kelantan bukan mustahil tetapi ia tidak akan dapat dicapai dengan mudah.

"Ini kerana PAS yang kita hadapi adalah PAS yang memegang tampuk pemerintahan," katanya dalam temubual dengan Bernama di rumahnya di Peringat, di sini baru-baru ini.

Annuar, yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar, berkata sekiranya BN dapat merampas semula Kelantan dalam masa 10 tahun itu merupakan satu rekod pencapaian.

Ini kerana semasa Kelantan jatuh ke tangan PAS pada 1959, BN yang diterajui Umno mengambil masa 18 tahun untuk mengambil semula negeri itu daripada PAS.

Ketika di bawah pemerintahan BN, PAS pula terpaksa bertungkus-lumus selama 12 tahun untuk merebut semula pemerintahan.

Dalam tempoh itu, perpecahan berlaku dalam tubuh Umno sendiri akibat kekalahan tipis Tengku Razaleigh kepada Dr Mahathir dalam perebutan jawatan kerusi presiden parti pada 1987 yang berakhir dengan pengharaman Umno oleh mahkamah.

Ini diambil kesempatan oleh PAS yang bekerjasama dengan S46 untuk menyapu bersih semua kerusi yang dipertandingkan pada 1990.

Oleh itu, kata Annuar, berdasarkan sejarah yang berlaku di Kelantan bolehlah dikatakan usaha untuk merebut semula kerajaan negeri daripada PAS bukanlah satu kerja mudah.

Pada 1990 lagi beliau telah meramalkan bahawa BN memerlukan sekurang-kurangnya 10 tahun untuk pulih semula daripada kekalahan teruknya di Kelantan.

Annuar berkata, terdapat lima faktor yang perlu diatasi oleh Umno bagi menentukan kejayaan BN merebut semula Kelantan iaitu institusi kesultanan,

institusi agama, pegawai tadbir negeri, faktor Tengku Razaleigh dan faktor PAS.

"Kunci kepada segala faktor itu ialah Tengku Razaleigh dan sebab itu pada masa itu saya fikir kita tidak ada pilihan melainkan membawa balik Tengku Razaleigh ke dalam Umno," katanya.

Katanya berkat kembalinya Tengku Razaleigh ke dalam Umno, Umno Kelantan kini dapat mengatasi empat daripada lima faktor itu kecuali faktor PAS.

Pilihan raya umum ke-10 Isnin ini menjadi ujian kepada Umno Kelantan terhadap kemampuannya merebut semula hati pengundi dan membebaskan negeri ini daripada cengkaman PAS.

Beliau turut melihat pilihan raya kali ini sebagai peluang terbaik bagi Umno untuk merebut semula Kelantan berbanding pilihan raya umum 1995.

"Anggota Umno bagaimanapun perlu bekerja keras dan tidak boleh memandang mudah PAS kerana PAS yang dihadapi kali ini berbeza dengan PAS yang dihadapi dalam pilihan raya umum 1990.

"Dulu PAS tidak ada sumber tetapi PAS kini kaya dan punya banyak sumber," katanya.

Mengenai peluang BN untuk merebut 43 kerusi negeri yang dipertandingkan, Annuar yakin BN akan menang di sekurang-kurangnya 12 kerusi, PAS 12 hingga 14 kerusi manakala kerusi yang selebihnya akan jadi penentu siapa yang akan membentuk kerajaan negeri.

Annuar turut mengakui bahawa perpaduan Umno di Kelantan kini mantap dan ini terbukti apabila ia tidak menghadapi sebarang masalah besar dalam menentukan senarai calon yang akan bertanding dalam pilihan raya kali ini.

Mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh PAS sepanjang tempoh berkempen ini, beliau tidak yakin isu bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mendapat tempat di hati pengundi di Kelantan.

Beliau percaya PAS tidak akan menggunakan isu Anwar kerana Anwar sendiri tidak pernah mendapat tempat di Kelantan.

Pakatan antara PAS dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) sendiri tidak berasaskan kepada kejujuran tetapi sebaliknya hanya mahu mempergunakan Keadilan untuk kepentingan PAS sendiri, katanya.

Sebab itu di Kelantan, Keadilan hanya diberi kerusi-kerusi yang tidak dikehendaki oleh PAS, katanya.

Pilihan raya ke-10 ini akan menyaksikan satu lawan satu antara BN dan PAS di 40 daripada 43 kawasan manakala di dua kawasan BN akan berhadapan dengan Keadilan. Satu kawasan lagi akan ditandingi secara tiga penjuru oleh BN, PAS dan Angkatan Keadilan Insan Malaysia (Akim).

BN dijangka dapat mempertahankan sebahagian besar daripada 17 kerusi yang dipegangnya sebelum Dewan Undangan Negeri dibubarkan pada 11 Nov lepas.

-- BERNAMA

KHY MNY BD AKD